

Ruj. Kami : JANM.PRK.600-1/3/4 (52)
Tarikh : 29 Januari 2026

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan

**PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN
PERBENDAHARAAN 58(a)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.5 Tahun 2023, (Lampiran C: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) - Pembayaran Yang Memerlukan Kebenaran Khas) adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan, pembayaran di bawah AP58(a) hendaklah diselesaikan segera **sebelum atau selewat-lewatnya pada 30 April 2026 (Khamis)**. Pembayaran selepas tarikh ini perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

3. Oleh yang demikian, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr./ Tuan / Puan adalah dimohon untuk merujuk SPANM Bil. 5/2023, Lampiran C terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan kelulusan pembayaran di bawah AP58(a) kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak. Ini bagi mengelakkan permohonan tersebut dikuiiri kerana dokumen yang dikemukakan tidak lengkap. Senarai semak permohonan untuk mendapatkan kelulusan AP58(a) adalah seperti di Lampiran1.

4. Perhatian dan komitmen daripada pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan berkenaan perkara ini amat dihargai bagi melancarkan proses bayaran AP58(a).

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**